

Oleh Faizul Azlan Razak  
bfvarsiti@bh.com.my

Kuala Nerus

## The Hijab Norfarah Afifah makin

# popular

**B**iarpun hanya bermodalkan RM50, tidak menghalang pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Norfarah Afifah Ahmad Shukri, 23, untuk menceburi bidang perniagaan kain tudung bawal bercorak bernama The Hijab.

Pelajar jurusan Ijazah Saujana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Semester Tiga itu men jadikan bilik asrama nya sebagai lokasi operasi per-

niagaannya sejak dua tahun lalu. Kini, Norfarah Afifah mampu tersenyum apabila tudung yang dijahitnya sendiri mampu men-

jana pendapatan mencecah ribuan ringgit sebulan hasil jualan melalui online dan di kampus Gong Badak. Beliau berkata, pada mulanya



Rakan Norfarah Afifah turut membantu menjual tudung kepada pelanggan.



Norfarah Afifah (tengah) menunjukkan sebahagian daripada koleksi tudung bawal bercorak jenama The Hijab miliknya.

tudung yang dihasilkan itu hanya sebagai keperluan dan kepuasan dirinya sendiri ketika bergaya untuk ke kuliah dan keluar bersantai.

"Ketika di kampus, ramai rakan yang mengor dan tertarik dengan tudung yang saya pakai. Bermula daripada situ, saya mula sibuk

kerana perniagaan yang saya lakukan ini mendapat tarikan bukan saja pelajar UniZA, malah orang ramai yang membuat tempahan menerusi online," katanya ketika ditemui di UniZA, baru-baru ini.

### Upah rakan

Norfarah Afifah berkata, beliau juga terpaksa mengupah dua rakannya untuk menguruskan jualan di kampus Gong Badak selepas berpindah ke kampus Tembila, Besut.

Selain jualan menerusi online dan sekitar kampus, beliau turut aktif menyertai karnival keusahawanan ketika Pesta Konvokesyen UniZA sehingga mampu meraih pendapatan RM1,500 dalam tempoh empat hari berniaga.

"Kini The Hijab antara jenama tudung yang semakin mendapat tempat khususnya dalam kalangan mahasiswa UniZA dan tidak mustahil mampu menyanyi jenama tudung bawal lain suatu hari nanti.

"Saya berharap untuk meneruskan perniagaan yang diusahakan ini selepas tamat pengajian dan bercadang untuk memiliki sebuah kedai suatu hari nanti," katanya.

menerima tempahan tudung The Hijab khususnya dalam kalangan penggemar tudung bawal. "Dalam tempoh seminggu, saya dapat menjual sebanyak 20 helai dan mampu meraih pendapatan sehingga RM4,000 sebulan. "Sekarang, saya bersyukur